



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti



PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2021



**YBHG. LEFTENAN JENERAL DATO' HASAGAYA BIN ABDULLAH
NAIB CANSELOR**

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Seluruh warga Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang saya hormati dan kasihi sekalian,

Tahun 2020 yang kita lalui bakal melabuhkan tirainya. Tahun 2020 juga telah menyaksikan pelbagai peristiwa dan cabaran kepada kita semua rentetan penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia yang turut memberi kesan langsung kepada UPNM. Alhamdulillah, segala usaha kita semua dengan semangat bersatu padu, penuh kesabaran dan cekal bersama-sama telah terbukti mampu mengharungi cabaran getir ini. Oleh yang demikian jua, marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan IzinNya, kita tetap bersolidariti dalam meneruskan usaha gigih sehingga berjaya merangkul pelbagai kejayaan signifikan di sepanjang tahun 2020. Sesungguhnya ia adalah kejayaan kita semua dan ia perlu dipelihara dengan sebaiknya oleh seluruh warga UPNM di tahun baharu 2021. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga atas usaha gigih dalam menentukan kecemerlangan UPNM dan moga ia terus berkekalan.

Dalam menghadapi cabaran baru di tahun 2021, kita semua harus menggembeng tenaga dan kebijaksanaan untuk terus mengamalkan pendekatan pragmatis dalam aspek tadbir urus, akademik, perkhidmatan staf dan pelajar, penyelidikan dan inovasi serta hubungan industri berasaskan adaptasi norma baharu. Ia sesungguhnya memerlukan kerjasama dan sokongan padu daripada setiap warga, terutamanya dalam menentukan penyampaian perkhidmatan UPNM yang teratur lagi cekap dan berkesan; disulami dengan nilai-nilai murni sebagai sebuah institusi akademik yang berprestasi tinggi.

Kini, tahun 2021 yang bakal menjelang dilihat bukan sahaja menjanjikan pelbagai peluang dan kemungkinan tetapi juga dengan cabaran-cabaran baharu yang kita perlu harungi bersama-sama dengan penuh keazaman sebagai satu pasukan yang kuat. Maka, marilah kita seluruh warga UPNM dengan semangat kebersamaan terus mengekalkan prestasi cemerlang atas keyakinan teguh mendukung amanah demi mempertahankan kepentingan institusi ini dengan sebaik-baiknya. Mudah-mudahan di tahun 2021 nanti, kita terus diberikan kekuatan untuk memperbaharui tekad serta iltizam demi mencapai matlamat serta hala tuju UPNM sebagai sebuah gedung ilmu yang disegani.

Selamat menyambut tahun baharu 2021. Semoga Allah SWT memberkati kita semua.

"Kewajipan, Maruah, Integriti"